

Feri Pulau Pinang kekal

Kerajaan lulus RM30j kepada Pelabuhan Pulau Pinang ambil alih perkhidmatan

Oleh Rohaniza Idris,
Luqman Arif Abdul Karim,
Audrey Dermawan
dan Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perkhidmatan feri Pulau Pinang akan diteruskan bagi memastikan perkhidmatan ikonik bagi negeri yang terkenal dengan jolokan Pulau Mutiara itu dapat dikekalkan.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata penerusan perkhidmatan feri yang sudah berbakti sejak 126 tahun lalu itu seperti mana dinyatakan dalam syarat bagi pembiayaan Kerajaan Persekutuan kepada Pelabuhan Pulau Pinang.

Beliau berkata, kerajaan sudah meluluskan RM30 juta kepada Pelabuhan Pulau Pinang bagi tujuan pengambilalihan perkhidmatan feri berkenaan.

“Saya mengesahkan peruntukan itu seperti yang diluluskan akan dibayar secara dua ansuran tahunan yang mana RM15 juta akan dibayar pada 2021 sebagaimana diluluskan dalam Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2021 dan baki RM15 juta lagi



Feri pengangkutan ikonik bagi Pulau Pinang.

(Foto Danial Saad/BH)

akan disediakan kerajaan.

“Kerajaan akan memastikan Pelabuhan Pulau Pinang disyaratkan untuk meneruskan perkhidmatan feri Pulau Pinang yang ikonik dan berwarisan,” katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (COVID-19) 2020 di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menngulas isu berkaitan nasib feri Pulau Pinang yang dibangkitkan Lim Guan Eng (PH-Bagan) pada sesi perbahasan sebelum itu.

Sebelum ini, Suruhanjaya Pe-

labuhan Pulau Pinang mengumumkan perkhidmatan feri Pulau Pinang yang menghubungkan tanah besar di Seberang Perai dengan bahagian pulau negeri itu sejak 126 tahun lalu, akan diganti dengan bot penumpang laju bermula 1 Januari depan.

Feri sedia ada pula hanya akan digunakan sebagai medium pengangkutan kepada pengguna basikal dan motosikal bermula tarikh sama.

Dalam pada itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, menyambut baik jaminan Kerajaan Persekutuan dan berharap ia menjadi realiti, supaya pengangkutan ikonik itu

dapat terus memberi berbakti kepada penduduk negeri itu, rakyat Malaysia dan pelancong.

“Memang menjadi pendirian kerajaan negeri untuk melihat perkhidmatan feri yang berusia lebih satu abad itu dikekalkan.

“Kita faham risiko jika feri sedia ada terus beroperasi. Namun, jika peruntukan boleh disediakan untuk membeli bot jenis kataran, apa yang menghalang daripada pembelian feri baharu sama seperti yang sedia ada.

“Isu di sini berkaitan kos. Jika kos diperlukan boleh ditanggung Kerajaan Persekutuan, maka isu timbul akan selesai,” katanya.